

[Check Mail](#)[Compose](#)[Search Mail](#)[Search the Web](#)Small biz news
and resources[Previous](#) | [Next](#) | [Back to Messages](#)[Mark as Unread](#) | [Print](#)[Delete](#)[Reply](#)[Forward](#)[Move...](#)**info@egamigo.com**

Saturday, April 19, 2008 6:46 PM

From: "Adli Ayob" <adliayob@yahoo.com>**To:** editor@egamigo.com

Telefon Bersistem Operasi Symbian (Symbian OS Phones)

Pertama sekali, ingin saya ucapkan tahniah kepada sidang redaksi majalah ering kerana setiap bulan menyajikan kepada rakyat Malaysia maklumat berbahasa Melayu berkaitan dunia telefon bimbit.

Begitu juga dengan penggunaan bahasa yang 'santai' dan cara ini dapat menarik perhatian golongan belia untuk lebih memahami teknologi ini sekaligus melariskan jualan majalah E-Ring.

Namun, setelah lebih setahun meneliti kandungan ERing, saya dapati majalah ini sering memberikan pandangan yang KURANG TEPAT mengenai Teknologi SYMBIAN seperti keluaran April 2008, spesifik kepada Samsung i450 dan Motorola Z8.

Symbian merupakan sistem operasi yang dipasang pada model-model telefon terpilih. Symbian, setakat ini terbahagi kepada 2 PLATFORM besar iaitu S60 dan UIQ (sebelum ini 4 platform: S60, S80, S90 dan UIQ). Platform S60 didominasi oleh pengeluar seperti Nokia, Panasonic, Lenovo, LG, Siemens, Sendo dan Samsung manakala model UIQ pula dikeluarkan oleh SonyEricsson, Motorola, BenQ dan Arima. Telefon yang dipasang dengan OS Symbian dapat melaksanakan tugas dan arahan seperti sebuah komputer kecil (seperti komen ini, saya taip menggunakan QuickWord pada telefon Panasonic X800, kemudian terus menghantarkannya dengan internet melalui perisian Opera) selain pengguna dapat memasang perisian dan 'games' pada sesebuah telefon Symbian.

Namun, seperti sebuah komputer juga, telefon Symbian terdedah kepada serangan Virus, Bugs dan Glitches. Jika telefon Symbian bermasalah, ia perlu di'format' sama seperti komputer bersistem Windows.

Antaramuka (UI- User Interface), 'look and feel' dan stail penggunaan platform S60 adalah sama untuk setiap model, sebagai contoh: Nokia N95 dan Samsung i450. Malahan 'game' yang sama juga (contohnya Frozen Bubble) dapat dipasang dan berfungsi dengan baik pada kedua-dua model. Adalah amat tidak bijak jika kita melabelkan yang Samsung meniru sistem Nokia sedangkan kedua-duanya menggunakan Sistem Operasi yang dilesenkan oleh satu syarikat iaitu Symbian Ltd.

Search Shortcuts

ADVERTISEMENT

Pada keluaran April 2008, 'CLOZZ-UP' pada Motorola RIZR Z8, Nokia E51 dan Samsung i450 bercanggah dengan Sistem Operasi Symbian:

1. Motorola RIZR Z8:

a. Spesifikasi: tidak dilabelkan OS pada telefon Z8 sedangkan Motorola Z8 menggunakan Symbian 9.1 UIQ 3.1

b. Special: 'Handphone ini tidak sokong Symbian, jadi ia tidak dapat memainkan video klip atau animasi flash' - Telefon ini memang telefon Symbian dan Terdapat Flash Lite Player UIQ 3 yang boleh dipasang pada Motorola Z8.

2. Nokia E51:

a. Spesifikasi: tidak dilabelkan OS pada telefon E51 sedangkan ia menggunakan Symbian 9.2 S60 3rd Edition dan bukannya diletak pada 'Komen Editor'.

3. Samsung SGH-i450:

a. Spesifikasi: tidak dilabelkan OS pada telefon i450 sedangkan ia menggunakan Symbian 9.2 S60 3rd Edition.

b. Muzik Lebih Inovatif: 'Pemain muziknya kelihatan seakan-akan pemain muzik handphone Symbian' - Music Player pada telefon ini memang SAMA dengan lain-lain telefon Symbian, bukannya 'seakan-akan' cuma perbezaannya terletak pada User Interface yang berbeza.

Dengan hormat, jika terdapat review telefon Symbian di masa hadapan, saya cadangkan Ering melaporkan OS yang terkandung didalam telefon tersebut, kebolehannya setelah dicuba 'software' dan 'games' sama ada ianya Symbian, Windows Mobile, Linux atau Palm.

Saya juga mencadangkan agar menyediakan satu ruangan KHAS mengenai SYMBIAN dan FREEWARE (Symbian dan JAVA) dan kesesuaian perisian (atau games) pada platform telefon.

Saya mencadangkan lagi agar ruangan 'Dr Handphone' (banyak memberikan jawapan yang seringkali tidak memuaskan hati saya - berkaitan symbian) dan sisipan 'Smart Guide' di semak dengan lebih teliti memandangkan banyak berlaku kesilapan 'PLATFORM' pada spesifikasi model-model tertentu. Sebagai Majalah Rasmi Plaza Sungei Wang, ini merumitkan para peniaga sehingga terpaksa berdebat dengan pembeli hanya kerana pembeli membawa bersama Majalah Ering sewaktu membeli telefon.

Tindakan Majalah Ering dalam memberikan laporan yang tidak terperinci dan salah mengenai Symbian boleh mengelirukan para pembaca seterusnya mengganggu jualan model Symbian di Malaysia. Ini secara langsung menggugat ekosistem Symbian dan bakal menyebabkan model-model Symbian tidak akan dijual di Malaysia contohnya seperti Nokia N92, LG KS10 Joy dan Samsung i560.

Para pengeluar kini semakin bijak untuk menilai pasaran 'SmartPhones' dan sentiasa berpendapat bahawa Malaysia merupakan negara yang 'tidak sesuai' untuk pelancaran model-model tertentu disebabkan orang-orang Malaysia sendiri yang agak terkebelakang dalam pengetahuan SmartPhones terutama SYMBIAN.

Majalah Ering dilihat selaku medium pendidikan rakyat Malaysia perlu memberikan maklumat sebenar mengenai sistem operasi telefon sesuai dengan tagline 'Majalah Telefon BM no 1 didunia'. Janganlah kita berbangga dengan kehadiran MSC di Malaysia sebagai HUB Multimedia Asia Tenggara sedangkan rakyat Malaysia itu sendiri 'kosong' dalam pengetahuan teknologi.

Saya secara peribadi akan cuba membantu penerbitan Ering dalam hal-ehwal berkaitan teknologi Symbian jika diberikan peluang kelak.

Disini disenaraikan maklumat rujukan untuk OS Symbian:

1. www.symbian.com
2. www.s60.com
3. www.uiq.com
4. www.symbian-freeware.com
5. www.symbian-freak.com
6. www.allaboutsymbian.com

Dengan itu saya mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh warga ERING. Tahniah.

Terima kasih.

-Mohammad Adli Ayob
-Business Development Exec
-Jumbochip Marketing/ Jumbochip Alliance Sdn. Bhd.
-Ahli kepada www.i-symbian.com (The Symbian User Group Malaysia) sejak 2003.

Be a better friend, newshound, and know-it-all with [Yahoo! Mobile](#). Try it now.
http://mobile.yahoo.com/;_ylt=Ahu06i62sR8HDtDypao8Wcj9tAcJ

[Delete](#)[Reply](#)[Forward](#)[Move...](#)[Previous](#) | [Next](#) | [Back to Messages](#)[Full Headers](#)[Check Mail](#)[Compose](#)[Search the Web](#)

Copyright © 1994-2009 Yahoo! Inc. All rights reserved. [Terms of Service](#) - [Copyright/IP Policy](#) - [Guidelines](#)

NOTICE: We collect personal information on this site.

To learn more about how we use your information, see our [Privacy Policy](#)